

01/03/2003

Pakej rangsang ekonomi rangkumi semua aspek

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan pakej rangsangan tambahan dan beberapa langkah memastikan ekonomi negara terus berkembang dalam persekitaran tidak menentu kini, awal April depan.

Pakej itu sebelum ini dilaporkan akan diumumkan ketika pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2002. KDNK itu diumumkan oleh Bank Negara, Rabu lalu.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata kerajaan masih mengkaji semua aspek dan ia tidak hanya terhadap kepada perkembangan di Teluk.

Katanya, Bank Dunia sendiri sudah menilai semula pertumbuhan ekonomi dunia dan Malaysia perlu melihat kesan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun serta kemungkinan peperangan di Iraq dalam menentukan kaedah terbaik menghadapi sebarang cabaran masa depan.

"Kerajaan sedang mengkaji bukan saja kesan ekonomi dunia kepada kita, tetapi kaedah ekonomi kita sendiri dan bagaimana kita dapat terus kompetitif menghadapi cabaran baru.

"Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan akan mengumumkan pakej ini dengan kaedah-kaedah bagi menjadikan negara lebih kompetitif termasuk cabaran Iraq, awal April depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mavcap:Venturing Capital 2002-2003 di Putrajaya Marriot Hotel, semalam.

Jamaludin ditanya mengenai pengumuman pertumbuhan 4.2 peratus KDNK bagi 2002 serta sama ada Malaysia mampu memastikan kadar sama atau lebih baik dapat dicapai tahun ini dalam ketidaktentuan ekonomi dunia terutama jika tercetus peperangan di Teluk.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan mantap terutama dalam suku terakhir tahun lalu yang mana merekodkan kadar 5.6 peratus, didorong peningkatan perbelanjaan domestik, peningkatan eksport komoditi dan elektronik.

Bagaimanapun, kemungkinan perang di Iraq mewujudkan ketidaktentuan terutama rakan niaga utama Malaysia seperti Amerika Syarikat.

Jamaludin berkata, selain menjadikan Malaysia lebih kompetitif, ia perlu mencari sumber pertumbuhan lain.

"Menjadi hasrat Dr Mahathir melihat pasaran baru dan tidak terlalu bergantung kepada pasaran Amerika," katanya.